

RINGKASAN

PERUTUSAN Y. BHG. DATO' HAJAH ROSNANI BINTI IBARAHIM, KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR MALAYSIA SEMPENA PERHIMPUNAN BULANAN DAN SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1428H PADA 3 APRIL 2007 (SELASA)

Y. Bhg. Dato' memberi salam, mengucapkan selamat pagi dan selamat sejahtera kepada semua pegawai dan kakitangan yang hadir, seterusnya mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia-Nya perhimpunan bulanan dapat diadakan. Perhimpunan pada kali ini lebih istimewa kerana diadakan bersekali dengan sambutan Maulidur Rasul yang jatuh pada hari Sabtu, 31 Mac 2007 bersamaan 12 Rabiulawal 1428 Hijrah.

Sambutan Maulidur Rasul ini dipersembahkan dengan nyanyian nasyid yang memuji dan melahirkan rasa kecintaan kita kepada baginda. Baginda merupakan idola seluruh umat Islam. Sifat, keperibadian terpuji dan mulia Baginda dijadikan panduan dan ikutan dalam menjalani kehidupan seharian kita supaya sentiasa lebih baik dan sempurna.

Y. Bhg. Dato' telah mengemukakan dua (2) sifat terpuji Nabi Muhammad s.a.w. iaitu *amanah dan tabligh*. Sifat amanah ini telah dikaitkan dengan warga JAS iaitu :

- i) JAS yang diberi tanggungjawab untuk mengurus alam sekitar di Negara ini dan diperuntukkan dengan kuasa-kuasa tertentu. Kuasa-kuasa inilah yang merupakan amanah yang perlu dilaksanakan dengan baik dan sempurna kerana ianya akan diperhitungkan oleh orang ramai semasa dalam perkhidmatan dan lebih-lebih lagi akan diperhitungkan oleh Allah s.w.t semasa di akhirat kelak.

- ii) Bagi yang beragama Islam, kita harus percaya dan penuh yakin bahawa kita benar-benar akan diperhitungkan kelak. Oleh itu, kita hendaklah memikul tanggungjawab ini dengan penuh rasa yakin, bersungguh-sungguh dan memerlukan usaha serta pengorbanan yang berterusan.

- iii) Berhubung dengan pelaksanaan projek-projek RMK-9 Jabatan, beliau membuat teguran kerana berlakunya kelewatan pelaksanaan projek-projek tersebut, yang mana sepatutnya telah mula dilaksanakan dan kerja sepatutnya telah rancak berjalan apabila memasuki suku tahun kedua tahun 2007. Keadaan sebaliknya berlaku dalam mana terdapat beberapa projek yang masih lagi diperingkat persediaan dan menunggu kelulusan daripada agensi pusat. Pegawai projek sepatutnya tidak berlengah-lengah dan bersikap sambil lewa dalam perkara ini.

Beliau mengarahkan supaya projek-projek RMK-9 dapat dilaksanakan dengan segera. Pegawai hendaklah berfikir untuk menggunakan pelbagai inovasi baru supaya projek dapat dilaksanakan dengan lebih pantas, berkesan dan mengikut pekeliling yang ditetapkan.

Semua pegawai dan kakitangan JAS perlu menyahut seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia supaya lebih cemerlang, gemilang dan terbilang. Sekiranya kita masih berada di takok yang lama dan melakukan kerja dengan cara yang lama, kita sebenarnya tidak akan cemerlang dan Jabatan kita juga tidak akan cemerlang. JAS pada hari ini sentiasa sahaja diteropong. Mutakhir ini, setiap malam, setiap hari malah di surat khabar pasti ada isu mengenai alam sekitar. Kita hendaklah menjalankan tanggungjawab yang diberi kepada kita ini dengan sebaiknya. Kita harus berusaha lagi dengan bersungguh-sungguh.

Semua pegawai dan kakitangan yang berkursus, bermesyuarat dan bercuti rehat, perlu mencari pegawai pengganti yang akan menjalankan kerja-kerja di pejabat. Pesan-memesan antara satu sama lain perlu diamalkan. Surat-surat yang memerlukan tindakan serta merta dan segera perlu diberi perhatian. Sekiranya surat-surat yang ditujukan khas kepada pegawai tertentu, dan pegawai tersebut tiada di pejabat kerana berkursus, maka pegawai lain di bahagian tersebut perlu mengambil tindakan sepatutnya terhadap surat-surat tersebut.

Beliau menegur mengenai kelewatan pembayaran bil yang melebihi tempoh dua (2) minggu iaitu sebanyak 99 bil. Keadaan ini sepatutnya tidak berlaku. Y.Bhg. Dato' mengingatkan supaya pegawai yang berkaitan seperti berikut:-

- (i). pegawai yang menerima bil di peringkat bahagian hendaklah segera menyemak dan mengesahkan bil tersebut serta menyerahkan kepada Unit Kewangan; dan
- (ii). semua pegawai dan kakitangan hendaklah mengemukakan tuntutan perjalanan dan elaun lebih masa pada atau sebelum 10 hari bulan, bulan berikutnya. Tuntutan yang dikemukakan lewat daripada tarikh tersebut tidak akan dilayan.

Sifat *Tabligh* Rasulullah bererti 'menyampaikan'. Y.Bhg.Dato' telah mengaitkan sifat ini dalam usaha mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan jabatan. Beberapa tindakan yang perlu diambil untuk mempertingkatkan sistem penyampaian antara lain seperti berikut:-

- (i). pindaan-pindaan kepada peraturan atau garis panduan pengurusan alam sekitar seperti mengawal pelepasan kumbahan ataupun pelepasan effluen industri dan mengawal pelepasan effluen ke udara hendaklah segera dimuktamadkan. Ini penting kerana ianya

dapat mempertingkatkan keupayaan jabatan untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik;

- (ii). penyebaran maklumat dan kempen kesedaran alam sekitar perlu dipergiatkan. Usaha ini bukan hanya menjadi tanggungjawab Bahagian Komunikasi Strategik, tetapi adalah menjadi tanggungjawab semua warga JAS;
- (iii). semua warga JAS hendaklah menghayati bahawa JAS adalah satu organisasi yang mana semua anggotanya boleh bekerja sebagai satu pasukan. Setiap bahagian di Ibu Pejabat hendaklah bekerjasama antara satu sama lain. Contohnya, Bahagian Udara perlu bekerjasama dengan Bahagian Komunikasi Strategik. Bahagian Udara akan menyediakan maklumat, manakala Bahagian Komunikasi Strategik pula berperanan menyampaikan maklumat. Bahagian EIA menyediakan garis panduan, manakala Bahagian Komunikasi Strategik mencetak garis panduan. Garis panduan tersebut perlulah dicetak secukupnya;
- (iv). setiap pegawai dan kakitangan hendaklah meletakkan diri sebagai satu unit kecil dalam satu organisasi besar di mana unit kecil ini sekiranya tidak berfungsi dengan baik, maka akan pincanglah organisasi tersebut. Semua dalam organisasi ini mempunyai peranan dan tanggungjawab yang sangat penting. Walaupun ada di kalangan kita merupakan Pegawai Kontrak atau Sambilan, mereka juga perlu berusaha bersungguh-sungguh menjalankan tugas masing-masing. Kita perlu bekerjasama dengan rakan-rakan yang lain, bantu membantu, pesan memesan dan ingat mengingati antara satu sama lain. Selain itu, fail-fail penting juga perlu disimpan di tempat yang mudah dicari oleh rakan yang ingin membantu menyelesaikan kerja tersebut.

Sambil menghayati sambutan Maulidur Rasul, kita sama-sama melihat diri kita terletak di kedudukan mana terutama dari segi pencapaian. Kita perlu berazam untuk memperbaiki sebarang kelemahan diri. Akhirnya, Y.Bhg. Dato' juga mengambil kesempatan bagi pihak Jabatan untuk mengucapkan simpati kepada tiga (3) orang warga JAS yang baru-baru ini ditimpa kemalangan tanah runtuh di Presint 9. Y. Bhg. Dato' juga berpesan kepada semua yang hadir bahawa kita hendaklah sentiasa berazam untuk mencontohi dan mengamalkan sifat-sifat Rasulullah s.a.w. Y.Bhg. Dato' mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan beliau berharap apa yang disampaikan ini dapat diberi perhatian yang berat.

3 April 2007 (Selasa)